

Penilaian Terhadap Pengajaran Syariat Islam oleh al-Hallaj, Hamzah al-Fansuri, dan Shamsuddin al-Sumatera'i

An Evaluation on the Teaching of al-Hallaj, Hamzah al-Fansuri, and Shamsuddin al-Sumatera'i' on Islamic Law

ROHAIMI RASTAM*, YUSRI MOHAMAD RAMLI & MOHD SYUKRI YEOH ABDULLAH¹

ABSTRACT

Integration between religious law and spiritual dimension is an equilibrical perfection in Islam, therefore became continuously reminded by Muslim scholars from time to time. Yet, some researchers claim it's contradiction, whereas Muslim Sufi scholars such as al-Hallaj, Hamzah al-Fansuri, and Shamsuddin al-Sumatera'i has firm statement in it's inseparable. Thus, the purpose of this article is to evaluate the teaching on Islamic law by al-Hallaj, Hamzah al-Fansuri, and Shamsuddin al-Sumatera'i' based on their own sayings and actions.

Keywords: al-Fansuri, al-Hallaj, Malay manuscript, shari`ah, al-Sumatera'i

Kesempurnaan Islam terpancar sewaktu zaman Nabi dan para sahabat Baginda. Kerana itu golongan Ahli Sunnah wa al-Jamaah berkata bahawa sahabat adalah ahli *jazbah* (tarikan rohaniah) yang memiliki kekuatan bersumber daripada keadaan mereka menemani Nabi Tarikan rohaniah tersebut menyebar kepada seluruh ulama termasuk pemimpin tarekat rohani sehingga bercabang kepada salasilah yang banyak sebelum tarikan rohaniah itu semakin lama semakin lemah menyebabkan bilangan ahli *fiqih* (ahli ilmu) dan *irshad* (tarekat yang benar) pada zaman ini sangat sedikit (al-Jilani 1993: 141). Antara cara menentukan ulama tarekat yang benar ialah dengan meneliti lahir dan batin mereka. Lahir mereka menegakkan aturan syariat Islam dalam perintah mahupun larangan. Batin mereka pula mengikuti jalur *khalwah*, *uzlah* dan *suluk* dengan pandangan hati yang jelas bahawa yang diikuti adalah Nabi sebagai perantara di antara *salik* dengan Allah. Antara *salik* dengan Nabi adalah roh rohani Nabi Muhammad yang mempunyai jasmani pada tempatnya dan rohani pada tempatnya. Syaitan sesungguhnya tidak dapat menjelma merupai Nabi dan itu adalah isyarat pada *salik* agar perjalanan mereka tidak dalam keadaan buta (al-Jilani 1993: 141-142).

Woodward (1989: 102), seorang ahli akademik Amerika dalam kajian *ethnographic*nya ke atas agama Islam di Jawa, menyatakan berkenaan al-Hallaj (w. 922 M) seorang Sufi yang dianggap berpendirian bahawa syariat hanya untuk golongan awam, sedangkan bagi golongan yang telah mencapai peringkat tinggi boleh mengabaikan syariat. Tetapi Woodward tidak pula mengemukakan rujukan secara khusus berkenaan pernyataan tersebut. Namun untuk berlaku adil kepadanya, Woodward juga tidak menyatakan bahawa tidak terdapat rujukan. Oleh yang demikian ada kemungkinan Woodward mengambil

¹ **Rohaimi Rastam***(Corresponding author), Ph.D. candidate at Institute of the Malay World and Civilization, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, email: nurijannah@yahoo.com; **Yusri Mohamad Ramli**, Ph.D. candidate at Institute of the Malay World and Civilization and lecturer at Dept. of Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, email: yusri_mr@ukm.edu.my; **Mohd Syukri Yeoh Abdullah**, Ph.D., assoc. professor at Institute of the Malay World and Civilization, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, Malaysia, email: syukri@ukm.edu.my.

pendapat daripada mereka yang mendakwa sebagai pengikut al-Hallaj di Jawa. Namun sumber yang lebih kukuh, iaitu pengajaran al-Hallaj melalui manuskrip tulisannya atau pandangan ulama sezaman serta sealiran dengan al-Hallaj lebih penting diambil kira sebagai sumber primer. Hal ini demikian kerana, mengambil kira pengalaman al-Hujwiri (1974: 364) ketika beliau berada di Baghdad dan daerah sekitarnya, terdapat sekumpulan *zindiq* yang secara palsu mendakwa sebagai pengikut al-Hallaj serta mencipta ujaran sebagai hujah *kezindiqan* mereka sambil menggelar kumpulan mereka sebagai al-Hallaji. Kenyataan Woodward (1989: 102) berkenaan al-Hallaj adalah seperti berikut:

Like many of the more extreme Persian Sufis, al-Hallaj taught that the shariah is meant only for the uninitiated and the ignorant, and that it can be ignored by advanced mystic. Other than this, there is nothing unusual about his teachings.

Sedangkan dua ahli sufi Aceh tersohor iaitu Hamzah al-Fansuri (w. 1527) dan Shamsuddin al-Sumatera'i (w. 1630 M) menyertakan al-Hallaj sebagai salah seorang tokoh yang dirujuk dalam penulisan mereka berkenaan persoalan hakikat (Hamzah al-Fansuri cod. Or. 7291: 75; cod. Or. 2016: 26; cod. Or. 7291 III: 115, 127; Shamsuddin al-Sumatera'i Ms 2581 F: 20, 31).

Persoalannya adakah benar al-Hallaj membolehkan pengabaian syariat kepada mereka yang telah mencapai peringkat kerohanian tinggi. Adakah perkara yang sama dilakukan juga oleh Hamzah al-Fansuri dan Shamsuddin al-Sumatera'i ketika menyampaikan kearifan mereka. Penilaian menggunakan manuskrip kedua-dua ahli sufi Aceh itu dan penulisan lain berkenaan al-Hallaj dijadikan asas bagi menjawab persoalan berkenaan. Ini kerana, manuskrip sebagai jendela yang menghubungkan masa lampau dengan masa kini perlu dimanfaatkan bagi menunjukkan peri pentingnya pendekatan penilaian bersumberkan manuskrip dalam menyelenggara sesuatu pandangan yang dikaitkan dengan kearifan lampau, sedangkan sesuatu pandangan itu belum tentu benar disebabkan jarak masa yang jauh terpisah serta kemungkinan berlaku salah tanggapan. Pengkaji yang terpisah jauh dari dunia yang ingin mereka suarakan pastinya tidak dapat bersoal jawab dengan al-Hallaj, menemuramah Hamzah al-Fansuri, atau bertanyakan Shamsuddin al-Sumatera'i meminta menerangkan fahaman mereka kerana segalanya adalah kearifan lampau, namun apa-apa yang tinggal terkandung di dalam manuskrip.

Salah Faham Sekitar Syariat

Hamzah al-Fansuri (cod. Or. 7291: 62) ketika membahas tentang *quyud* yang beliau ertikan sebagai ikatan iaitu segala rupa yang dapat diinderawi dan dapat diperkatakan oleh akal dan makrifat atau dengan makna yang lain, ikatan (*quyud*) itu ialah sebarang perkara keduniaan yang semestinya tidak lekat di hati *salik* atau tiada pergantungan diri *salik* kepadanya yakni kepada sebarang perkara keduniaan atau makhluk bagi mencapai kehampiran kepada Allah. Menafikan ikatan (*quyud*) atau perkara keduniaan difahami oleh Hamzah al-Fansuri terkandung di dalam firman Allah maksudnya: "*Dan hanya kepada Allah hendaknya kamu bertawakal, jika kamu benar-benar orang yang beriman*" (Al-Quran, al-Ma'idah: 23).

Adakalanya orang terjerumus dalam penyimpangan apabila silap memahami bahasan Hamzah al-Fansuri tadi dengan meletakkan syariat sebagai ikatan atau sangkutan (*quyud*) iaitu menganggap syariat sebagai perkara keduniaan yang mesti ditinggalkan. Bertawakal adalah sifat mulia, namun sekiranya tawakal difahami sebagai pelepasan usaha ikhtiar terhadap semua perkara termasuk pengamalan syariat, maka menatijahkan kerosakan. Salah faham sebegini terjadi pada diri beberapa orang yang *bersuluk*, dengan mengabaikan hukum-hukum syariat yang bersifat lahiriah, sehingga adakalanya seseorang daripada mereka meninggalkan kawajipan solat dengan mengatakan bahawa ia terus-menerus berada dalam keadaan solat

dengan batinnya (Al-Jilani 1993: 141). Inilah penyimpangan terberat yang menimpa orang jahil di antara kaum *Ibahiyyah* yang terkeliru oleh hal yang remeh-temeh serta bersalut dusta (Al-Ghazali, 1986: 162). Shamsuddin al-Sumatera'i (Ms 1556) turut menjelaskan mengenai kepincangan kaum *Ibahiyyah* ini berserta sepuluh golongan lagi yang dihukumkan oleh Abdul Qadir al-Jilani sebagai ahli *bidaah*.

Kesepaduan Syariat dengan Hakikat

Syariat, tarekat dan hakikat adalah perkara yang disepadukan seperti kata berikut:

Adapun kepada *Ahlul Ma`rifah*, syariat dengan hakikat ia juga (Hamzah al-Fansuri, Cod. Or. 7291: 80). Ketahuilah bahawa tarekat itu tiada lain daripada hakikat, kerana tarekat permulaan hakikat, seperti syariat permulaan tarekat pun (Hamzah al-Fansuri, Cod. Or. 2016: 6).

Lanjutan daripada salah faham yang dinyatakan di awal tadi, Hamzah al-Fansuri menegaskan bahawa sembahyang fardu, puasa fardu, memakan yang halal, meninggalkan yang haram bukanlah ikatan (*quyud*) dan tidak sama sekali boleh ditinggalkan. Hal ini demikian kerana semua yang tersebut adalah kehendak Allah (*amr Allah*) dan bukannya kehendak peribadi. Meninggalkan kesemua yang tersebut dengan andaian ianya adalah ikatan (*quyud*) dihukumkan sebagai berdosa (*asi*), terhijab, malahan individu itu sebenarnya berada dalam ikatan (*quyud*). Dia menyangka apa-apa yang dilakukannya sebagai meninggalkan ikatan, padahal tidak. Individu ini tidak akan dapat menjadi *ahlillah*. Sebagaimana kata berikut (Hamzah al-Fansuri, cod. Or. 7291: 62, 64):

Adapun sembahyang fardu, dan puasa fardu, dan memakan [yang] halal, dan meninggal[kan] [yang] haram - sekalian itu bukan *quyud*, kerana [itu dengan] kehendak Allah, bukan dengan kehendak kita; [yakni] kerana [itu] *amr Allah*.

Jelasnya menafikan *quyud* (ikatan) ialah memahami secara benar sifat tawakal kepada Allah, ketika *salik* menyerahkan sepenuhnya pengaturan diri kepada Allah. Sebagaimana nukilan Ibn `Athailah tentang munajat Abu al-Husain al-Hallaj: "Berbuatlah kepadaku sebagaimana dulu Kau berbuat kepadaku sebelum aku ada", iaitu meminta kepada Allah untuk mengatur urusannya setelah dia ada sebagaimana dahulu Dia mengatur sebelum dia ada. Sebelum keberadaannya, hamba telah diatur oleh Ilmu Allah kerana segala sesuatu telah memiliki wujud dalam Ilmu Allah, meskipun tidak punya wujud jasad. Wujud hamba dalam Ilmu Allah Taala itulah yang diatur oleh-Nya (Al-Sakandari 2007: 31). Abu al-Hasan al-Shadhali (w. 1258 M) *rahimahullah* berkata: "Kau tidak punya bahagian sedikit pun terhadap semua yang dipikirkan dan disusun oleh syariat. Kewajipanmu hanyalah mendengarkan dan mentaati!" Di sinilah letaknya pemahaman *Rabbani* (ketuhanan) dan ilmu *ladunni* (ilmu dari sisi Allah). Ucapan beliau menjelaskan bahawa menjalani pilihan syariat sama sekali tidak bertentangan dengan tingkatan (*maqam*) penghambaan yang didasarkan atas sikap tidak memilih atau bertawakal. Orang yang lemah akal tidak dapat memahami hal ini dan tertipu kerana menyangka bahawa rangkaian wirid, sunnah dan syariat bertentangan dengan hakikat penghambaan (Al-Sakandari 2007: 51, 52). Mereka menyangka melakukan kesemua itu, bererti mereka telah memilih dan terkeluar daripada tawakal atau telah mengambil ikatan (*quyud*).

Abu al-Hasan al-Shadhali *rahimahullah* menerangkan bahawa setiap pilihan dan ketetapan syariat tidak memberikan ruang bagi pilihan dan pemikiran hamba. Hamba diperintah untuk keluar daripada pengaturan dan pilihannya atas dirinya, bukan keluar daripada pengaturan Allah dan Rasul-Nya untuk dirinya (Al-Sakandari 2007: 51, 52). Keluar

daripada pengaturan diri kepada pengaturan Allah dan Rasul, ambil contoh daripada kisah Abu Bakar al-Siddiq (w. 634 M) dan Umar al-Khattab (w. 644 M) yang masing-masing membaca al-Quran dengan suara perlahan dan keras. Apabila Rasulullah (s.a.w.) mendengar bacaan mereka yang berbeza cara di antara satu sama lain, baginda meminta Abu Bakar (r.a.) yang membaca dengan suara perlahan kerana beralasan Allah yang diseru Maha Mendengar, supaya meninggikan suaranya sedikit. Sementara kepada Umar al-Khattab (r.a.) yang beralasan untuk menghilangkan mengantuk dan mengusir syaitan pula, supaya merendahkan suaranya sedikit. Menurut Abu al-Abbas Mursi (w 1287 M), Rasulullah ingin agar masing-masing keluar daripada keinginan diri sendiri menuju kepada keinginan Rasulullah (s.a.w.) (Al-Sakandari 2007: 48, 49).

Malah individu yang memiliki kelebihan luarbiasa mampu berjalan di atas air, terbang di udara, menyembuhkan penyakit, mencukupkan makanan yang sedikit atau apa-apa sahaja perbuatan menarik adat (karamat) namun dengan sengaja mengabaikan syariat bukanlah ia seorang wali malah dusta dan dihukum sesat jalannya. Sebagaimana kata Hamzah al-Fansuri (cod. Or. 7291: 78 - 79):

Demikian lagi akan orang yang menuntut Allah Subhanahu wa Taala jangan bercerai dengan syariat dan tarekat dan hakikat dan makrifat maka sempurna. Apabila bercerai dengan syariat *dalalat* (sesat) hukumnya. Jika terbang di udara atau berjalan atas air atau memakan api sekalipun - hubatan dusta dan sesat jalannya! Hukumnya bukan dia wali, kerana dia karamatnya itu bukan karamat - *istidraj* (kurniaan nikmat dalam keadaan bermaksiat) namanya; yakni daripada syaitan atau daripada jin atau daripada sihir atau murka Allah Taala akan dia agar supaya *ghurur* (tertipu) dengan karamatnya itu disangkanya *wasil* (sampai pada ibarat) dia dengan Allah Taala.

Begitu juga dengan pegangan Abu Madyan al-Maghribi (w. 1198 M) dinukilkan dalam syarah kalam hikmahnya: *Jika kau melihat karamat dan keajaiban pada seseorang, jangan cepat percaya. Perhatikanlah bagaimana dia menepati perintah dan larangan* (Ibn Ilan 1033 H: 280). Orang awam biasanya bersandar dan melihat kepada karamat serta perlakuan luar biasa. Mereka cepat mempercayai orang yang memiliki atau menampilkan suatu keajaiban meskipun ia jauh daripada nilai-nilai syariat dan sentuhan tarekat rohani. Sebaliknya, ahli makrifat melihat dan bersandar kepada acuan sunnah Nabi baik dalam ucapan, perbuatan, mahupun keadaannya. Bagi mereka, karamah paling agung adalah ketika seseorang itu telah menjalankan perintah dan larangan. Sebagaimana nukilan kata Ibn Athaillah: *Karamat bagi kalangan awam adalah sesuatu yang ajaib dan luar biasa. Sementara, bagi kalangan khusus, karamat adalah menggantikan keburukan dengan sifat-sifat yang terpuji* (Ibn Ilan 1033 H: 280).

Salik yang tidak benar-benar memiliki asas atau dibimbing oleh yang tidak berkelayakan mungkin berfikir dia tidak lagi memerlukan syariat. Sedangkan neraca syariat dapat melindungi *salik* daripada bencana *makr* (terjauh diri daripada kebaikan) yang mengakibatkannya terjauh daripada kebaikan yang dikurniakan oleh Allah kepada hamba-hamba-Nya. Orang yang menjadi alat bagi *makr* dapat dikenalpasti melalui dua keadaan iaitu sama ada dianugerahi ilmu beramal sedangkan terjauh daripada amal atau dikurniakan amal sedangkan terjauh amal itu daripada ikhlas. Berkenaan perkara ini Ibn `Arabi (1911: 529) berkata:

Ahlillah (golongan *makrifatullah*) menggunakan terma *makr* kepada berterusannya nikmat di sebalik pertentangan (dengan perintah Allah), (Dia) menjadikan *hal* (situasi diri) kekal di sebalik kebiadaban (hamba), dan penzahiran tanda-tanda (ajaib/ karamat) tanpa perintah (daripada *Ilahi*) dan tanpa dihukum (oleh-Nya).

Mengikuti pandangan kami, Allah *makr* akan hamba-Nya bilamana Dia membekalkannya pengetahuan yang menuntut kepada amal, dan kemudian menjauhkannya daripada amal tersebut; atau Dia membekalkan dengan amal, dan kemudian menjauhkannya daripada ikhlas dalam beramal. Bilamana kamu perhatikan ini dalam diri kamu atau mengenalpastinya pada seseorang yang lain, ketahuilah bahawa dia yang memiliki sifat sebegini merupakan alat bagi *makr*.

Ketika aku di Baghdad pada tahun 608 Hijrah, aku melihat (dalam *rukayah* mimpi) suatu peristiwa bahawa langit terbuka dan gudang bagi *makr Ilahi* turun umpama hujan di merata-rata tempat. Aku mendengar malaikat berkata, "*Makr* apakah yang turun malam ini!" Dan aku terjaga dalam ketakutan. Aku mengenalpasti jalan keselamatan daripadanya (*makr*), dan aku tidak menemuinya melainkan dalam pengetahuan yang ditetapkan oleh neraca syariat. Oleh itu jika sesiapa berkehendak bahawa Allah mengurniaknya kebaikan dan melindunginya daripada bencana *makr*, janganlah sesekali neraca syariat terlepas daripada pegangannya!

Golongan yang menjadi alat bagi *makr* Allah berasa megah meninggalkan syariat dalam keadaan mampu mempertontonkan keajaiban-keajaiban, malahan sehingga sampai ke tahap bermegah meninggalkan syariat sekalipun diri tidak punya sebarang keajaiban untuk dipertontonkan hanya berpuas hati dengan andaian bahawa dirinya orang makrifat dan hakikat. Bagi mereka, meninggalkan syariat itulah karamat dan *wasil* (sampai kepada Allah pada ibarat). Sedangkan dalam keadaan bersyariat, wali Allah juga mampu mempamerkan karamat atas tujuan hikmah. Sesungguhnya inilah suatu kesempurnaan zahir dan batin. Khabar berikut disampaikan oleh Ibn `Arabi (1911: 186):

Aku berjalan-jalan sepanjang pantai dengan seorang sahabat yang tidak percaya hal-hal luar biasa boleh berlaku ke atas orang soleh. Kami berhenti, dalam perjalanan itu, di sebuah masjid yang telah runtuh untuk solat Zuhur. (Setelah kami berada dalam masjid) tiba-tiba sampai sekumpulan manusia yang ingin menunaikan solat. Di kalangan mereka terdapat lelaki yang telah berbual denganku di laut dulu, yang telah aku katakan sebagai al-Khidir. Di kalangan mereka, juga terdapat seorang lelaki yang berkedudukan (menurut tingkatan kerohanian), yang pernah berkawan dengan aku sebelum ini. Aku bangun memberi salam kepadanya dan dia gembira menemuiku, lalu kami solat bersama. Setelah selesai solat, lelaki yang aku katakan Khidir tadi, mengambil sehelai tikar kecil dari *mihrab* dan dibentangkan di udara, iaitu (terapung) kira-kira tujuh hasta dari lantai, lalu berdiri di atasnya menunaikan solat sunat. Aku menunjukkan aksi itu kepada sahabatku, lalu dia meminta aku menanyakan hal tersebut. Aku tinggalkan sahabatku dan menuju ke arahnya (Khidir). Setelah beliau selesai solat, aku memberi salam [dan menanyakan hal tersebut]. Khidir mengatakan bahawa apa yang dilakukannya adalah untuk memberi faedah kepada sahabatku yang tidak yakin.

Ibn Ata'illah al-Sakandari (w 1309 M) pewaris tarekat Shadhaliyyah dalam kalam hikmahnya mengenai ibadat solat dan zikir (menyebut dan mengingati Allah) berkata (Al-Sakandari 2011: 204, 205, 207):

Solat adalah pembersih hati dari kotoran dosa dan pembuka pintu keghaiban. Solat adalah tempat munajat dan wahana pembersihan kalbu. Di dalamnya medan rahsia demikian luas dan kilau cahaya bersinar. Dia mengetahui kelemahan dirimu sehingga menyedikitkan bilangannya. Dia juga mengetahui keperluanmu terhadap kurnia-Nya sehingga melipat gandakan pahalanya.

Jangan anda tinggalkan zikir, kerana tidak hadir (hati) anda serta Allah dalam zikir itu. Kerana bahawasanya kelalaian anda daripada mengingat-Nya lebih berat daripada kelalaian anda ketika berzikir. Mudah-mudahan Allah Taala berkenan mengangkatmu daripada zikir di samping ada kelalaian menuju zikir di mana hatinya jaga (tidak lalai lagi). Dan mudah-mudahan Allah Taala berkenan mengangkat anda daripada zikir yang berserta kehadiran Allah dalam hati kepada zikir di mana lenyap selain Allah. "Dan yang demikian itu bagi Allah tidaklah sukar" (Al-Quran, Ibrahim: 20).

Sebab itu tidak akan sampai seseorang kepada *maqam* hakikat tauhid melainkan orang yang sudah sah iktikadnya dan sudah pula muafakat iktikadnya Ahli Sunnah wa al-Jamaah sedang pada zahirnya dia bergerak atas jalan syariat. Dengan kata lain zahirnya muafakat dengan syariat al-Muhammadiyah, sedang batinnya muafakat dengan perjalanan (*tariq*) Nabi Muhammad (s.a.w.), sehingga dia bebas merdeka daripada cengkaman pengaruh sesuatu (*riqq al-aghyar*) dan terbuka baginya segala *hijab* (tabir) yang menutupi pandangan dan tersingkap segala cahaya (Al-Fathani 1992: 11 & 12). Sesungguhnya, orang yang menggabungkan antara yang lahir dan yang batin bersama-sama, adalah insan *kamil* (sempurna). Demikian dimaksudkan oleh ucapan sebahagian kaum *arifin*: "*Insan kamil ialah insan yang cahaya ilmunya tidak menyebabkan padamnya cahaya waraknya*", yakni ketulusan sikapnya dihadapan Allah. Demikian pula seorang kamil tidak mengizinkan dirinya melampaui apa-apa batasan di antara batasan syariat. Hal ini disebabkan kesempurnaan cahaya batinnya (Al-Ghazali 1986: 162).

al-Hallaj dan Pengajaran Syariat

Kebenaran kerohanian al-Husayn bin Mansur al-Hallaj diterima oleh syeikh sufi seperti `Amr bin Uthman al-Makki (w. 910), Abu Yaqub Nahrajuri (w. 912), Abu Yaqub Aqtha`, Ali bin Sahl Isfahani dan segenap ahli sufi terkemudian. Beliau dianggap tokoh besar oleh Abu Said bin Abil Khayr (w. 1049), Abu al-Qasim Jurjani (w. 1058) dan Abu al-Abbas Syaqqani. Al-Shibli (w. 946) berkata: "*Al-Hallaj dan aku memiliki kepercayaan yang serupa, namun kegilaan ku menyelamatkan daku, sedangkan kecerdasannya telah menghancurkan dirinya*". Sekiranya pegangan agama al-Hallaj diragui sudah tentu al-Shibli tidak akan berkata sedemikian. Al-Hallaj selama hidupnya sentiasa bertaqwa, menegakkan salat dan berzikir mengagungkan Allah serta kerap berpuasa (al-Hujwiri 1974: 362 - 363).

Al-Husayn bin Mansur al-Hallaj dikenali sebagai orang yang amat mementingkan syariat, bahkan amat teguh dan bersungguh-sungguh dalam beramal. Dalam suatu kisah yang diceritakan oleh Abu Ishaq Ibrahim bin `Abd al-Karim al-Hulwani (al-Sa`i 1936: 19-20):

Aku telah berkhidmat kepada al-Hallaj selama 10 tahun dan aku adalah orang yang paling rapat dengannya. Bila mana aku mendengar ramai orang yang mengatakannya sebagai zindiq, maka aku berasa sangsi lalu memberitahunya mengenai hal itu, lalu aku berkata kepadanya pada suatu hari: "Wahai Syeikh, aku ingin mengetahui sesuatu tentang mazhab batin". Maka dia menjawab: "batin yang batil atau batin yang benar?". Maka aku terdiam seketika berfikir. Beliau kemudian melanjutkan: "Adapun batin yang benar maka zahirnya ialah syariat dan barangsiapa yang merealisasikan zahir syariat akan tersingkap

baginya batinnya, batinnya itu ialah mengenal Allah. Adapun batin yang batil maka batinnya lebih buruk daripada lahirnya dan lahirnya lebih hodoh daripada batinnya, maka jangan bergelombang dengannya. Wahai anakku, aku ceritakan kepada kamu sesuatu daripada pengrealisasianku pada zahir syariat. Aku tidak bermazhab (dalam pengamalan) dengan sesuatu mazhab tertentu daripada para imam secara umumnya, namun aku ambil (pandangan) dari setiap mazhab yang paling susah dan payah; dan kini aku beramal dengannya. Aku tidak bersolat fardu melainkan setelah aku mandi terlebih dahulu dan berwuduk. Inilah (amalan) aku sekarang yang berumur 70 tahun (60 tahun lebih), sedangkan ketika aku berumur 50 tahun (40 tahun lebih), aku bersolat seumpama dua ribu tahun dengan setiap solat *menqadakan* (menyempurnakan) solat yang sebelumnya.

Muhamad Jalal al-Din Sharf (1970: 33-36) menjelaskan bahawa pernyataan ini membuktikan bagaimana al-Hallaj benar-benar adalah seorang yang amat mementingkan syariat sekaligus menyanggah dakwaan dan tohmahan pengkritik al-Hallaj bahawa beliau mengabaikan syariat dan berpegang dengan hakikat semata-mata. Ibrahim al-Hulwani turut mendedahkan (al-Sa'i, 1936: 20-21):

Aku memasuki ke kamar al-Hallaj pada waktu antara Magrib dan Isya` dan aku mendapati beliau sedang bersolat. Maka aku duduk di sudut rumah sehingga seolah-olah dia tidak perasan kehadiranku kerana kesibukannya bersolat. Di dalam solatnya, ia membaca surah al-Baqarah pada rakaat pertama, pada rakaat kedua surah Ali `Imran. Apabila dia telah memberikan salam, dia bersujud dan membaca sesuatu yang aku tidak pernah dengar seumpamanya. Apabila dia berdoa, dia mengangkat suaranya seolah-olah dia diambil daripada dirinya dan berkata: "Wahai *Ilah al-Aliyah*, wahai *Rab al-Arbab*, wahai yang tidak mengantuk dan tidak tidur kembaliku kepadaku diriku supaya para hamba-Mu tidak menfitnah diriku. Wahai yang Dia adalah aku dan aku adalah Dia, tiada beza antara keakuanku dan kediaan-Mu melainkan kebaharuan dan *keqidaman*". Kemudian beliau mengangkat kepala dan melihat kepadaku dan aku tertawa. Kemudian dia berkata: "Wahai Abu Ishaq, adakah kamu lihat bahawa Tuhanku memukul kakiku kerana kebaharuanku sehingga binasa kebaharuanku pada *keqidaman*-Nya, sehingga tiada kekal bagiku suatu sifat melainkan sifat *al-Qadim* dan kata-kataku tentang sifat itu. Sedangkan makhluk seluruhnya adalah baharu membicarakan tentang sifat baharu. Kemudian bilamana aku membicarakan mengenai sifat *Qidam*, maka mereka mengingkariku dan mendakwa kekufuranku dan menyeru membunuhku. Dan mereka yang demikian itu adalah dimaafkan dan segala apa yang mereka lakukan akan dibalas.

Di samping keperihatnannya memelihara solat supaya khusyu` dan berkualiti, keterangan di atas juga jelas menunjukkan bahawa dakwaan bahawa al-Hallaj percaya bahawa manusia dapat bersatu atau dirasuk oleh Tuhan adalah tidak benar. Bahkan, al-Hallaj sama sekali tegas mengkritik golongan yang percaya kepada *ittihad* dan *hulul* dengan Tuhan Beliau turut menegaskan (al-Sa'i 1936: 47):

Barangsiapa yang menyangka bahawa ketuhanan dapat bercampur dengan kemanusiaan atau kemanusiaan dapat bercampur dengan ketuhanan maka ia telah kufur. Maka sesungguhnya Allah (s.w.t.) tunggal dengan zat-Nya dan sifat-Nya daripada sekalian zat makhluk dan sifat mereka. Maka Dia tidak menyerupai

mereka dalam apa jua bentuk. Dan makhluk tidak menyerupai-Nya dalam apa jua perkara. Maka jika demikian bagaimana mungkin boleh wujudnya persamaan antara yang *Qadim* dengan yang baharu. Dan barangsiapa yang mendakwa bahawa Allah adalah di sesuatu tempat, atau atas sesuatu tempat, atau berhubung dengan sesuatu tempat, atau tergambar dalam minda, atau terkhyal dalam fikiran atau termasuk dalam sesuatu sifat dan rupa (makhluk), maka ia adalah *musyrik*.

Taha `Abd al-Baqi (1969: 220-222) juga berdasarkan hakikat ini mengakui bahawa akidah al-Hallaj adalah berasaskan tawhid yang selaras dengan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w.). Kenyataan-kenyataan beliau jelas membezakan antara Allah dan makhluk dan ungkapan-ungkapan yang seolah-olah menyamakan Tuhan dan makhluk tidak lain dan tidak bukan adalah perspektif Hakikat yang mentauhidkan Allah semata-mata dengan melihat bahawa Yang Wujud hanyalah Allah, Yang Memilik hanyalah Allah, Yang Berkuasa hanyalah Allah, sedangkan wujud, pemilikan dan kekuasaan makhluk hanyalah bersandar kepada Wujud, Milik dan Kuasa Allah (s.w.t). Akidah tawhid al-Hallaj adalah jelas diakui para ulama termasuk al-Imam al-Qushayri (1991: 42) yang turut menukil kata-kata beliau selaku salah seorang penghulu ahli-ahli tasawwuf yang mengungkapkan mengenai keesaan Allah dan perbezaan-Nya dengan makhluk:

Sifat *Qidam* adalah bagi-Nya (Allah), sedangkan (makhluk) yang berjisim dalam penzahirannya terikat dengan rupa tertentu, (makhluk) yang memerlukan sesuatu perkara dalam pemersatuannya memerlukan kekuatan perkara tersebut untuk dipegang, (makhluk) yang terikat dengan waktu ditentukan masanya oleh waktu, (makhluk) yang dibangunkan oleh orang lain, maka memerlukan pegangannya, (makhluk) yang dikuasai khayalan akan berkembang dengan imajinasinya, (makhluk) yang tinggal di sesuatu tempat akan terikat dengan kedudukan. Maha Suci Tuhan Yang tidak dibayangi kedudukan atas, Yang tidak berkurang dengan kedudukan bawah, Yang tidak menerima batasan, Yang tiada bandingan, Yang tidak terambil darinya belakang, Yang tidak terbatas baginya dengan hadapan, Yang tidak terkebelakang dengan sebelum, Yang tidak tenafi dengan selepas, dan tidak berhimpun semua dengan-Nya, Yang tidak terikat dengan dahulu, Yang tidak berkurang dengan ketiadaan, Yang sifat-Nya tidak bersifat (kemakhlukan), yang perbuatan-Nya tidak ber'illah, keadaan-Nya kekal dengan-Nya, Dia suci dari segala keadaan makhluk-Nya, tiada sesuatu daripada makhluk-Nya memberi kesan kepada keadaannya, dan tiada dalam perbuatan makhluk memperbaiki-Nya. Allah berbeza dengan mereka dengan *Keqidaman*-Nya sebagaimana mereka berbeza dengan-Nya dengan kebaharuan mereka.

Penyataan ini serta perakuan daripada al-Imam al-Qushayri menurut Muhammad Jalal al-Din Sharf (1970: 39 - 40) jelas memperlihatkan akidahnya yang suci daripada tuduhan *ittihad* dan *hulul* yang didakwa para pengkritik ke atasnya.

Selain itu, al-Hallaj juga diketahui sebagai orang yang bersungguh-sungguh melaksanakan ibadat haji, bahkan dia direkodkan melakukannya sekurang-kurangnya sebanyak tiga kali dan untuk haji kali yang pertama, ia kekal tinggal selama setahun di Mekah semata-mata untuk menumpukan diri beribadah. Ketekunan beliau dalam melaksanakan ibadat haji diriwayatkan oleh al-Nahrajuri yang menyatakan (Massignon 1994: 52-53):

Bilamana al-Husayn ibn Mansur memasuki Mekah untuk kali pertama, beliau tinggal selama setahun di dataran Masjid al-Haram tanpa meninggalkan tempatnya melainkan untuk mengambil wuduk dan bertawaf. Beliau bahkan

tidak mengendahkan kepada terik matahari ataupun hujan. Pada setiap hari terdapat selepas solat Maghrib, seseorang membawakan sebekas air dan roti kepadanya. Beliau memakan empat sudut roti tersebut dan meminum seteguk sebelum makan dan seteguk selepas makan. Beliau kemudiannya meletakkan roti di atas bekas air tersebut sehingga makanan dan air dihantar lagi keesokan harinya.

Ibrahim ibn Shayban turut menceritakan bagaimana sikap bersungguh-sungguh al-Hallaj dalam menyatakan *ubudiyah*nya ketika berada di Mekah (Massignon 1994: 52):

Pada suatu hari, guruku (al-Maghribi) (bersamaku) telah pergi menemui `Amr bin Uthman al-Makki untuk menanyakan suatu persoalan. Dalam perbualan mereka, `Amr bin Uthman berkata kepadanya: "Terdapat seorang lelaki di sini yang pergi tinggal di Bukit Abu Qubays di Mekah". Setelah selesai pertemuan itu, kami langsung pergi menemui dengan lelaki tersebut dan ketika itu adalah waktu tengah hari. Kami mendapati beliau duduk diam mencangkung di atas batu tanpa beralas kaki dan tanpa bertutup kepala sambil peluh membasahi badannya. Bilamana beliau terlihat kami, lantas dia mengisyaratkan agar kami beredar. Kami lalu pergi dan kemudiannya menuju ke Masjid al-Haram. Guruku memberitahuku bahawa jika kami tinggal lebih lama untuk menyaksikannya maka akan dapat melihat bagaimana Tuhan akan 'menghukumnya' atas kesengsaraan yang dilakukannya semata-mata ingin 'bersaing' dengan Tuhan. Kami kemudiannya dapat mengetahui (daripada orang ramai) bahawa lelaki tersebut ialah al-Hallaj.

Hamzah al-Fansuri dan Pengajaran Syariat

Hamzah al-Fansuri selaku murshid tarekat Qadiriyyah sungguh menekan pengamalan syariat dan disampaikan pengajaran itu sehingga terlihat begitu indah, suci, permai dan agungnya syariat seperti yang dinukilkan dalam bait-bait ruba'i beliau:

Syariat Muhammad terlalu *'amiq*
Cahayanya terang di *bayt al-'atiq*
Tandanya ghalib lagi sempurna *tariq*
Banyaklah kafir menjadi *rafiq*
(Al-Fansuri, Ms. Jak Mal No. 83: 44).

Quran itu ambikan dalil
Pada *mizan* Allah supaya *thaqil*
Jika kau ambil syariat akan wakil
Pada kedua alam engkaulah *jamil*.
(Al-Fansuri, Ms. Jak Mal No. 83: 44).

Fardu dan sunat yogya kau pakai
Akan lima waktu jangan kau lalai
Halal dan haram *faraqkan* bapai
Itulah amal yang tiada berbagai.
(Al-Fansuri, Ms. Jak Mal No. 83: 49).

Syariat itu ambikan *qandil*

Supaya engkau menjadi *khalil*
Kerana ia datang daripada *Rabb al-Jalil*
Menyatakan Allah dan hakikat *sabil*.
(Al-Fansuri, Ms. Jak Mal No. 83: 49).

Jika telah kau turut syariatnya
Mangka kau dapat asal tarekatnya
Ingat-ingat akan *haqiqatnya*
Supaya tahu akan makrifatnya.
(Al-Fansuri, Ms. Jak Mal No. 83: 49).

Sembahyang fardu terlalu *ghali*
Jika tinggal amal menjadi *asi*
Pada orang itu Allah tiada *radi*
Menjadi *fasiq* di hadrat *Qahhari*.
(Al-Fansuri, Cod. Or. Leiden 2016: 43r).

Sembahyang Ahmad pada Allah *fa'iq*
Barang memakai dia sempurna *ashiq*
Barang meninggalkan dia menjadi *fasiq*
Seperti dosa *zani* dan orang *sariq*.
(Al-Fansuri, Cod. Or. Leiden 2016: 43r).

Sembahyang ini amal yang *kamil*
Pada ihram sembahyang terlalu *wasil*
Meninggal sembahyang menjadi jahil
Pada Allah Taala kerjanya batil.
(Al-Fansuri, Cod. Or. Leiden 2016: 43r).

Syariatnya itu ambikkan suluh
Supaya sentosa sekelian tubuh
Nafsu dan syaitan *yogya* kau bunuh
Pada jalan *ashiq* keduanya musuh.
(Al-Fansuri, Ms. Jak Mal No. 83: 93).

Fardu dan sunat *yogya* kau rakib
Pada sekelian Islam terlalu wajib
Jika kau tinggalkan *fard* bukan kau *thalib*
Jahannam tempatmu hangat dan *ghalib*.
(Al-Fansuri, Ms. Jak Mal No. 83: 93).

Syariat itu *yogya* kau taruh
Dalam syariat *haqiqat* tiada jauh
Lain daripada syariat akan tali sauh
Di sana makrifat sukar berlabuh.
(Al-Fansuri, Ms. Jak Mal No. 83: 93).

Shamsuddin al-Sumatera'i dan Pengajaran Syariat

Shamsuddin al-Sumatera'i selaku *Shaykh al-Islam* dan *murshid* tarekat *ahlillah* (Rohaimi Rastam 2015: 62 - 77) menerima penghormatan tertinggi daripada baginda Sultan serta rakyat Aceh.

Penghormatan tersebut diterjemahkan ketika Baginda Sultan berangkat menunaikan solat *'Idul Adha* disambut oleh Shamsuddin al-Sumatera'i yang berpakaian pembesar cara *'Arabi*. Baginda sultan solat bersama-sama dengan Shamsuddin al-Sumatera'i (Anon t.th: 85b):

Maka dilepaskan Johan Alam hulu pedang serta mengambil Pedang Gajah Menta itu bertongkat yang ditatang di laman itu maka bentara yang membawa salih itu khidmat serta menjunjungkan salih ke kepalanya, maka tatkala itu Shamsuddin hadir di Raja Paksi dengan memakai baju jubah dari pada biram rambut tiga lapis dan berserban yang diikat cara *'Arabi* serta rumalnya dari pada jenis salu yang nipis lagi amat putih. Maka sembah serta disambut Johan Alam akan sembahnya itu, maka itupun lalu mengiring di belakang. Maka masing-masing mereka itu masuklah sembahyang masing-masing pada tarafnya. Maka Syah Alampun lalu mengambil air sembahyang maka sembahyanglah dengan sembahyang *tahiyat al-masjid* dua rakaat bersama-sama dengan Shamsuddin dan Raja Udhana Lela.

Seterusnya penghormatan Baginda Sultan terhadap Shamsuddin al-Sumatera'i sewaktu penyembelihan korban bila mana disambut oleh Shamsuddin al-Sumatera'i pisau belati sembelihan berhulu manikam merah yang bertatahkan emas permata yang dipegang Sultan, lalu menyudahkan sembelihan yang dimulai oleh Baginda:

Maka Tun Abdul Majid Penghulu Gundangan bersegera menatangkan tabak emas yang berisi sikin yang indah-indah akan penyembelih korban itu dengan berpuluh bilah yang berhulukan manikam merah dan emas dan suasa, maka diambil Syah Alam sebuah sikin yang berhulu manikam merah yang bertatahkan emas bepermata, maka Megat Aceh penghulu Bujang Dandani pun segeralah khidmat menatangkan sebuah perisai emas berterapan mengampui serta mengantari pada korban yang Syah Alam hendak sembelih itu, maka disandari dengan perisai yang di tangannya itu supaya terpelihara segala pakaian Syah Alam itu daripada terpercikkan darah dengan diingatkan menjabat perisai itu maka serta dikenakan Syah Alam sikin pada leher *qurban* itu yang hendak disembelih itu . . . Syah Alam sikin pada leher *qurban* itu hingga adalah tercurur darahnya kadar sedikit maka segera disambut oleh Shamsuddin sikin itu dengan tiada terangkat dari pada leher korban sikin di tangan Syah Alam itu, maka Shamsuddin pun menyudahkan dia (Anon t.th.: 89b – 90a).

Shamsuddin al-Sumatera'i melalui penulisan beliau, juga menjelaskan tentang kepincangan *salik* dalam perjalanan menuju *al-Haqq*. Penjelasan ini menurut Shamsuddin al-Sumatera'i sebagai panduan agar terpelihara daripada iktikad dan pengamalan golongan yang dihukumkan sebagai beriktikad kafir yang *zindiq* (Ms 1556 M. Perpustakaan Negara Malaysia). Penjelasan pertama tentang golongan *hubbiyyah* yang beriktikad apabila *salik* memperolehi makrifat yang sempurna dan merasai kasih kepada Allah (darjat *mahabbah*), maka *salik* tersebut akan diambil sebagai kekasih oleh Allah. Ketika ini terlepaslah daripadanya aturan syariat yang fardu dan yang haram. Segala yang haram menjadi halal dan yang fardu menjadi harus. Golongan ini tidak lagi menjaga aurat mereka. Kedua, golongan *awliya'iyah* beriktikad apabila seseorang *salik* telah mencapai peringkat wali maka hilang daripadanya tuntutan syarak. Mereka beranggapan wali lebih unggul daripada Nabi kerana Nabi memperolehi ilmu dengan perantaraan malaikat Jibrail, sedangkan ilmu wali tanpa perantaraan. Ketiga, golongan *shamrakiyyah* atau *thamaraniyyah* beriktikad apabila *salik* memperolehi makrifat yang sempurna disertai padanya wujud Allah, Zat Allah, sifat dan perbuatan-Nya yang *qadim*

sehingga mereka menggugurkan tuntutan amar (suruhan) dan nahi (larangan). Mereka menganggap semua perempuan adalah sama sehingga menghalalkan anak perempuan sendiri. Bagi mereka perempuan ibarat bau-bauan yang harus dicium.

Keempat, golongan *abahiyyah* atau *ibahiyyah* beriktikad apabila seseorang *salik* mencapai peringkat makrifat yang sempurna mereka meninggalkan *amar ma'aruf* (perbuatan baik) dan *nahi mungkar* (larangan derhaka), menghalalkan yang haram, segala harta dan wanita tidak mengira sama ada miliknya ataupun tidak adalah halal baginya. Kelima, golongan *halliyyah* beranggapan menari dan bertepuk tangan dalam keadaan pergaulan bebas adalah halal. Mereka digelar *halah* ertinya orang yang sudah tidak diatur oleh syarak.

Keenam, golongan *khalawiyyah* berpandangan melihat tubuh yang cantik dan lelaki yang tampan itu halal. Menari, memeluk dan mencium adalah harus bagi mereka. Ketujuh, golongan *huriyyah* sama dengan *halliyyah* cuma lebihnya orang yang berada pada darjat mereka suka bersetubuh dengan 'bidadari' (pada sangkaan mereka). Apabila mereka sedar, mereka mandi. Kelapan, golongan *wafiqiyyah* beranggapan tiada yang dapat makrifat kepada Allah kecuali Allah sehingga mereka meninggalkan upaya mencari makrifat.

Kesembilan, golongan *mutajahilah* ialah golongan yang sengaja memakai pakaian orang fasik (mendedahkan aurat). Kesembilan, golongan *mutakasilyyah* ialah golongan yang malas berusaha. Mereka suka meminta-minta dan mendakwa telah berjaya meninggalkan dunia, sedangkan mereka mengejar dunia pada batinnya. Kesepuluh, golongan *ilhamiyyah* ialah mereka yang meninggalkan ilmu dan melarang mengajar. Mereka mengikuti para *hukama'* dan mengatakan bahawa al-Quran adalah penghalang, sedangkan syair adalah kitab al-Quran bagi mereka. Demikian sepuluh golongan yang diperingatkan oleh Shamsuddin al-Sumatera'i, menunjukkan kekukuhan beliau dalam syariat dan iktikad.

Sebagai kesimpulan, lazimnya penyelenggaraan sesuatu pernyataan terdahulu yang berimplikasi memesongkan kearifan sebenar seseorang tokoh menghendaki waktu dan rujukan yang banyak. Bahan maujud primer iaitu manuskrip seseorang tokoh itu atau karya sezaman, guna dibuat penilaian mesti diperoleh terlebih dahulu sebelum menuntut ketekunan dan ketelitian yang amat daripada penyelenggara kajian. Kesemua ini bagi memastikan penyelenggara mampu menyumbang kebenaran kepada khalayak peminat bidang manuskrip ini. Penyelenggaraan sebegini juga dapat dimanfaatkan oleh disiplin pengkajian lain seperti bahasa, sejarah, sosiologi antaranya.

References

- Anon. t. th. *Adat Aceh*. Manuskrip India Office Library. London, England.
- al-Fansuri, Hamzah ibn Abdullah. t.th. *Aho Segala Kita Anak Adam*. MS. Jakarta Malay No. 83. Jakarta: Perpustakaan Nasional Indonesia.
- _____. t.th. *Asrar al-'arifin fi bayan 'ilm al-Suluk wa al-Tawhid*. Cod. Or. 7291. Leiden: Perpustakaan Universiti Leiden.
- _____. t.th. *Sharab al-'Ashiqin*. Ms 2016. Leiden: Perpustakaan Universiti Leiden.
- _____. t.th. *Sidang Ashiq Mencari Lawan*. Cod. Or. Leiden No. 2016. Leiden: Perpustakaan Universiti Leiden.
- al-Fathani, Daud ibn Abdullah. 1992. *Kitab Ilmu Tasawuf*. Transliterasi Wan Mohd Shaghir Abdullah. *Manhalush Shafi Shaykh Daud al-Fathani Membicarakan Rumus-rumus Sufi Dan Istilah-Istilah Tasawuf*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 1986. *Mishkat al-Anwar*. Beirut: Alam al-Kitab.
- Al-Hujwiri, Ali Ibn Uthman. 1974. *Kashf al-Mahjub*. t.tpt. Lajnah al-Ta`rif bi al-Islam.
- Ibn `Arabi, Muhammad ibn Ali. 1911. *al-Futuh al-Makiyyah I*. Beirut: Dar al-Sadir.
- _____. 1911. *al-Futuh al-Makiyyah II*. Beirut: Dar al-Sadir.

- Ibn Ilan, Ahmad ibn Ibrahim. 1033H. *Sharh al-Hikam al-Ghawthiyyah Shaykh Abu Madyan al-Maghribi*. Cairo: Dar al-Afaq al-'Arabiyyah.
- al-Jilani, Abdul Qadir. 1993. *Sirr al-Asrar*. Damascus: Darr al-Sanabil.
- Massignon, L. *Halaj: Mystic and Martyr*. Terj & Sunt. Hebert Mason. Princeton: Princeton University Press.
- Muhammad Jalal al-Din Sharf. 1970. *Al-Hallaj: al-Thair al-Ruhi fi al-Islam*. Alexandria: Mu`assasah al-Thaqafah al-Jami`iyyah.
- al-Qushayri, Abu al-Qasim `Abd al-Karim bin Hawazin al-Naysaburi. 1991. *Al-Risalah al-Qushayriyyah fi `Ilm al-Tasawwuf*. Damascus: Dar al-Khayr.
- Rohaimi Rastam, Mohd Syukri Yeoh Abdullah & Yusri Mohamad Ramli. 2015. Analisis Salasilah Tarekat Shaykh Shamsuddin al-Sumatera'i. *International Journal of Islamic Thought*. 8: 61-79.
- al-Sa`i, `Ali Anjab. 1936. *Akhbar al-Hallaj*. Sunt. Louis Massignon & Paul Krauss. Paris: Matba`ah al-Qalam.
- al-Sakandari, Ibnu Athaillah. 2007. *Al-Tanwir fi Isqath al-Tadbir*. Cairo: Al-Maktabah al-Azhariyyah al-Turath.
- _____. 2011. *Matn al-Hikam*. Jakarta: Penerbit Zaman.
- al-Sumatera'i, Shamsuddin ibn Abi Abdullah. t.th. *Haqiqat al-Sufi*. Ms 1556 M. Kuala Lumpur: Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia.
- Taha `Abd al-Baqi Surur. 1969. *Al-Huysan bin Mansur al-Hallaj: Shahid al-Tasawwuf al-Islami*. Cet. ke-2. Cairo: Dar Nahdah Misr li al-Tab' wa al-Nashr.
- Woodward, M. R. 1989. *Islam in Java: Normative Piety and Mysticism in the Sultanate of Yogyakarta. Comparative Studies in Society and History*. Vol. 32. Issue 4. Tucson, USA: University of Arizona Press.